

U B992 DEB  
PESARA - MAHATHIR

(1985)

JOHOR BAHRU, 13 MEI (BERNAMA) -- SEORANG PESARA, ENCIK MOHAMED SULAIMAN, 60 TAHUN, KECEWA KERANA TIDAK BERPELUANG BERCAKAP DENGAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERUSI PERKHIDMATAN PANGGILAN TELEFON DUNIA PERBADANAN PENYIARAN BRITISH (BBC) MALAM TADI.

INI, MERUPAKAN KEKECEWAN KALI KEDUA BAGINYA UNTUK BERCAKAP DENGAN SEORANG PERDANA MENTERI, KALI PERTAMA IALAH PADA 31 OKT, 1983, APABILA BELIAU TIDAK DIBERI KESEMPATAN DALAM RANCANGAN SERUPA UNTUK BERCAKAP DENGAN PERDANA MENTERI BRITISH, PUAN MARGARET THATCHER PADA 31 OKT, 1983.

ENCIK MOHAMED BERKATA, PADA PUKUL 6.50 PETANG SEMALAM, 20 MINIT SEBELUM PROGRAM 45 MINIT ITU KE UDARA, PENGACARA PROGRAM ITU, SUE MACGREGOR, TELAH MENELEFONNYA BAGI MEMASTIKAN TALIAN TELEFONNYA BAIK DAN MEMINTA BELIAU MENGULANGI SOALANNYA YANG TELAH DIHANTAR SEBELUM ITU.

BELIAU KEMUDIAN DUDUK BERHAMPIRAN TELEFONNYA MENANTIKAN PELUANG UNTUK BERCAKAP KEPADA PERDANA MENTERI, TETAPI MALANGNYA, PANGGILAN ITU TIDAK KUNJUNG TIBA SEMASA PROGRAM ITU KE UDARA DARI JAM 7.10 MALAM SEHINGGA 7.55 MALAM.

JIKA DIBERIKAN PELUANG BERCAKAP DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR, SOALAN YANG AKAN DIKEMUKAKAN OLEH BELIAU KEPADA PERDANA MENTERI IALAH: +SAMA ADA KERAJAAN, DALAM USAHA TERGESA-GESA UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN UNDANG-UNDANG TERTENTU YANG SESETENGAH DARIPADANYA TIDAK MENDAPAT SAMBUTAN DARIPADA RAKYAT, AKAN MENYEBABKANNYA MENJADI KURANG POPULAR DI KALANGAN RAKYAT.+ -- LAGI.  
1656MST 13 05 85

D177

U B993 DEB  
PESARA - MAHATHIR 2 JOHOR BAHRU  
(I)

MENGENAI KEGAGALANNYA UNTUK BERCAKAP DENGAN PUAN MARGARET THATCHER PULA, ENCIK MOHAMED, BERKATA, BELIAU TELAH MENUNGGU LEBIH DARIPADA SEJAM UNTUK PANGGILAN DARI LONDON ITU YANG TIDAK TIBA.

BELIAU BERCADANG UNTUK BERTANYAKAN PERDANA MENTERI BRITISH ITU, APAKAH YANG AKAN DILAKUKAN OLEH KUASA BARAT JIKA RUSSIA ATAU VIETNAM MENCEROBOH SEBUAH NEGARA ASIA TENGGARA?

ENCIK MOHAMED, YANG MENGIKUTI PROGRAM-PROGRAM BBC SEJAK 30 TAHUN LALU BERKATA, BELIAU AKAN MENULIS LAGI KEPADA PIHAK BERKENAAN UNTUK BERTANYAKAN SEBAB-SEBAB BELIAU KETINGGALAN DARIPADA MENYERTAI PROGRAM ITU UNTUK KALI KEDUANYA.

INILAH KALI KETIGA BELIAU DIPILIH MENYERTAI PROGRAM PERKHIDMATAN BBC ITU. SEBELUM INI, BELIAU TELAH DIBERI PELUANG MENYOAL PERSONALITI TERKENAL BBC, DAVID ATTENBOROUGH MENGENAI PEMELIHARAAN BINATNG-BINATANG LIAR.

ENCIK MOHAMED, YANG MERUPAKAN SEORANG PANEL +PENDENGAR SEBERANG LAUT,+ BERKATA, BELIAU TELAH DIBERITAHU BAHAWA TETAMU BERIKUT YANG AKAN KE UDARA DI DALAM RANCANGAN ITU IALAH MENTERI LUAR AFRIKA SELATAN, ENCIK PIK BOTHA PADA 19 MEI. -- BERNAMA.  
1658MST 13 05 85